




## Gerhana Annular/Separa Matahari 26 Januari 2009

Tahun 2009 “Tahun Astronomi Antarabangsa, IYA2009” akan mengalami dua kali gerhana Matahari, di mulai dengan gerhana Annular pada 26 Januari 2009 diikuti dengan gerhana penuh Matahari pada 22 Julai 2009.


Gerhana annular terjadi apabila Bulan berada di antara Bumi dan Matahari. Keadaan ini akan menyebabkan terjadinya bayang (umbra dan penumbra) dan menyebabkan kawasan yang terkena bayang ini akan mengalami gerhana. Lihat rajah di bawah.



Rajah : Gerhana Annular terjadi apabila Bulan berada di antara Bumi dan Matahari.


Kawasan laluan yang akan mengalami gerhana annular bermula dari bahagian selatan lautan Atlantik kemudian bergerak ke arah timur menentasi benua Afrika, lautan Hindi, Indonesia dan berakhir di Mindanao, Filipina. Titik gerhana annular maksimum ialah di lautan Hindi pada jam 07:58:39 UT dengan tempoh annular ialah 7 minit 54 saat dan lebar laluan gerhana 280km. Kedudukan altitud Matahari ketika itu 73 darjah dari ufuk laut.

Kawasan yang berada diluar laluan annular ini akan mengalami gerhana separa Matahari.




Laluan gerhana Annular ditunjukkan dengan jalur yang gelap, manakala kawasan yang di luar dari jalur annular akan mengalami gerhana separa. Di Malaysia hanya mengalami gerhana separa Matahari. Sebahagian tempat di Indonesia akan mengalami gerhana Annular.

Laluan gerhana annular ini akan merentasi sebahagian besarnya lautan Hindi dan akan mencecah daratan di selatan Sumatera dan barat Jawa. Di antara bandar yang akan dilalui ialah Kotabumi dan Telukbetung. Di lokasi ini akan mengalami gerhana annular selama 6 minit 18 saat dengan altitud Matahari 25 darjah dari ufuk. Seterusnya gerhana ini akan merentasi bandar Samit dan Samrinda di Kalimantan, di sini fenomena yang menarik dapat dilihat kerana Matahari seperti cincin api yang terang ketika Matahari hampir ghurub di ufuk Barat.



Fasa sentuhan pertama apabila sebaik sahaja Bulan menyentuh Matahari dan bulan akan menutupi permukaan Matahari sedikit demi sedikit sehingga mencapai tutupan maksimum dan akhirnya sentuhan terakhir bulan terhadap matahari yang dinamakan sentuhan keempat.

Di Malaysia tidak berpeluang melihat gerhana Annular kali ini, kali terakhir kita dapat menyaksikan gerhana ini berlaku di negara ini ialah pada tahun 1998. Pada 26 Januari 2009 kita di Malaysia hanya berpeluang menyaksikan gerhana separa. Gerhana ini akan bermula selepas jam 4 petang dan berakhir sebelum terbenam Matahari di ufuk Barat.



Di Melaka gerhana Annular ini bermula dengan sentuhan pertama pada jam 4:30 ptg. Fasa maksimum berlaku apabila 67% permukaan Matahari dilindungi Bulan pada jam 5:50 ptg. Fasa terakhir pada jam 6:58ptg. Selepas ini Matahari akan kelihatan normal seperti biasa.